

# PEMBENTUKAN MASYARAKAT BERAKHLAK MENGIKUT POLITIK ISLAM

Oleh  
Shukeri Mohamad\*

## Abstract

*This article tries to explain how the Islamic Politic construct an ethical society. It's also tries to prove that the Islamic Politic which based on the revelation can implement this message.*

## PENDAHULUAN

Ketika masyarakat Malaysia sedang menikmati hidangan kemajuan ekonomi, kita dikejutkan dengan gejala keruntuhan akhlak. Banyak pihak menamakannya dengan gejala sosial. Perhatian masyarakat tertumpu kepada isu dan gejala baru, kerana ia telah bermaharajalela, malah dikira sudah sampai ke tahap berbahaya. Kenyataan ini terpaksa diakui berdasarkan kajian yang dibuat oleh pihak keselamatan, kementerian belia, pusat pengajian tinggi tempatan dan beberapa agensi lain. Hasil kajian menunjukkan penambahan angka dalam kes buang bayi, rogol, penagihan dadah, jenayah rompak dan bunuh, rasuah, politik wang, perzinaan dan sebagainya.<sup>1</sup> Arak dan judi nampaknya tidak dikategorikan dalam gejala sosial kerana kedua-duanya diharamkan oleh undang-undang negara.

Keadaan begini lebih bahaya daripada masalah jerebu 1997. Sepatutnya negara diisytiharkan darurat akhlak. Langkah ini amat perlu kerana masyarakat yang sudah runtuh akhlak sebenarnya sedang menghadapi kehancuran. Sebab itu langkah segera perlu diambil bagi menyelamatkan masyarakat dari kemusnahan. Tidak dinafikan

---

\*Pensyarah di Jabatan Siasah Syar'iyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, merangkap Ketua Jabatan.

<sup>1</sup>Taib Azamuddin, *Teks Khutbah Jumaat di Masjid Negara*, Kuala Lumpur, pada 19 September 1997.

bahawa berbagai usaha telah dilakukan untuk menangani gejala tersebut di peringkat kerajaan dan masyarakat, tetapi sehingga kini tidak ada tanda-tanda kejayaan. Sebaliknya krisis ini semakin serius.

Pada keseluruhannya kaedah penyelesaian yang diambil sekarang lebih bersifat sementara dan jangka pendek serta tidak menyeluruh. Ini bermaksud, langkah penyelesaian tersebut berlatarbelakangkan angkubah dan faktor yang tidak kukuh dan berubah-ubah. Pada masa yang sama wujudnya percanggahan yang nyata antara usaha menangani gejala keruntuhan akhlak dengan kegiatan yang menyuburkan keruntuhan akhlak. Apa yang menghairankan ialah kedua-dua tindakan itu datangnya dari pihak berkuasa yang dikenali sebagai kerajaan melalui dasar atau polisi para pemimpin negara.

Percanggahan seperti ini adalah satu fenomena yang wujud dan akan terus berlaku dalam negara yang mengamalkan sistem sekular. Jelasnya sistem sekular menganggap bahawa suatu kebaikan itu adalah untuk orang yang mahukan kebaikan dan kemungkarannya perlu diberikan ruang kepada orang yang bersetuju dengannya.<sup>2</sup> Oleh itu, sistem sekular tidak menerima prinsip *maqasid syari'ah* yang dilaksanakan dalam sistem politik Islam, kerana prinsip *maqasid syari'ah* tidak bertolak ansur dengan sebarang unsur kemungkarannya.

Bertolak dari kenyataan di atas, kertas ini dirangka untuk menjelaskan kedudukan dan kepentingan sebenar sistem politik Islam dalam pembentukan masyarakat berakhlak. Melalui kejelasan prinsip, ketegasan dasar, kewibawaan undang-undang, kematangan pendidikan, kejituan strategi, kemantapan *ijtihad*, keunggulan pemimpin, kesatuan umat dan kehebatan *jihad*, maka sistem politik Islam dapat melakukan satu reformasi yang tercanggih kepada pemikiran dan kegiatan hidup masyarakat ke arah tamaddun sejati, insya' Allah.

## MASYARAKAT BERAKHLAK

Masyarakat berakhlak ialah masyarakat yang mengamalkan sifat-sifat dan ciri-ciri yang mulia serta memiliki peribadi yang unggul dan terpuji dalam kehidupan.<sup>3</sup> Akhlak tersebut hendaklah berpandukan pertunjuk dan bimbingan daripada ajaran Islam. Ia bukan suatu teori yang kaku, tetapi hidup dalam perhubungan dua hala

---

<sup>2</sup>*Mawsu'ah al-Muyassarah*, Nadwah Alami li al-Syabab al-Islami, Riyadh, m.s. 365-375.

<sup>3</sup>Dr. Yusuf al-Qaradawi, *Malamih al-Mujtama' al-Muslim allazi Nansyiduhu*, Kaheerah, 1993 m.s. 90.

antara manusia dengan Allah, antara manusia sesama mereka, antara manusia dengan sistem hidup mereka,<sup>4</sup> dengan menghindarkan perbuatan yang buruk dan haram<sup>5</sup>. Masyarakat berakhlak ini telah berjaya dilahirkan oleh Rasulullah s. 'a. w. yang dikenali sebagai generasi sahabat. Al-Syahid Sayyid Qutb menamakan generasi tersebut sebagai "*Jil Qur'ani Farid*"<sup>6</sup>

Gambaran akhlak mereka yang tinggi itu telah dirakamkan dalam al-Qur'an al-Karim melalui beberapa pengakuan tegas daripada Allah Ta'ala kerana mengiktiraf keunggulan generasi tersebut:

Antaranya:

1. Firman Allah, surah al-Imran ayat 110:

*Maksudnya: Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang mungkar, dan beriman kepada Allah...*

2. Firman Allah, surah Al-Baqarah ayat 143:

*Maksudnya: Dan demikian (pula) Kami jadikan kamu umat yang adil dan pilihan, agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu..*

3. Firman Allah, surah al-Tawbah ayat 100:

*Maksudnya: Orang-orang yang terdahulu lagi yang pertama-tama (masuk Islam) di antara orang-orang Muhajirin dan Ansar dan orang-orang yang mengikuti mereka dengan baik, Allah reda kepada mereka dan mereka pun reda kepada Allah dan Allah menyediakan bagi mereka syurga-syurga yang mengalir sungai-sungai di bawahnya, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Itulah kemenangan yang besar.*

4. Firman Allah, surah al-Fath ayat 18:

*Maksudnya: Sesungguhnya Allah telah reda terhadap orang-orang mukmin ketika mereka berjanji setia kepadamu di bawah pohon,*

---

<sup>4</sup>*Ibid*, m.s. 90.

<sup>5</sup>*Ibid*. m.s. 90.

<sup>6</sup>Sayyid Qutb, *Ma'alim fi al-Tariq*, Saudi, 1978, m.s. 11-20.

*maka Allah mengetahui apa yang ada di dalam hati mereka lalu menurunkan kemenangan kepada mereka dan memberi balasan kepada mereka dengan kemenangan yang dekat (waktunya).*

5. Firman Allah, surah al-Fath ayat 29:

*Maksudnya: Muhammad itu utusan Allah dan orang-orang yang bersama dengan dia adalah **keras terhadap orang-orang kafir, tetapi berkasih sayang sesama mereka. Kamu lihat mereka ruku' dan sujud mencari kurnia Allah dan keredaannya, tanda-tanda mereka nampak pada muka mereka dari bekas sujud. Demikianlah sifat-sifat mereka dalam Taurat dan sifat-sifat mereka dalam Injil, yaitu seperti tanaman yang mengeluarkan tunasnya, maka tunas itu menjadikan tanaman itu kuat lalu menjadi besarlah dia dan tegak lurus di atas pokoknya. Tanaman itu menyenangkan hati penanam-penanamnya kerana Allah hendak menjengkelkan hati orang-orang kafir (dengan kekuatan orang-orang mukmin). Allah menjanjikan kepada orang-orang beriman dan mengerjakan amal saleh di antara mereka ampunan dan pahala yang besar.***

6. Firman Allah, surah al-Hasyr ayat 8-10:

*Maksudnya: (juga) bagi orang-orang fakir yang berhijrah yang diusir dari kampung halaman dan dari harta benda mereka (kerana) **mencari kurnia dari Allah dan keredaannya dan mereka menolong Allah dan Rasulnya. Mereka itulah orang-orang yang benar.***

*Dan orang-orang yang menetap di Kota Madinah dan telah beriman (Ansar) sebelum (kedatangan) mereka (Muhajirin), mereka mencintai orang yang berhijrah kepada mereka. Dan mereka tiada menaruh keinginan dalam hati mereka terhadap apa-apa yang diberikan kepada mereka (orang-orang Muhajirin) dan mereka mengutamakan (orang-orang Muhajirin) atas diri mereka sendiri sekalipun mereka dalam kesulitan. Dan siapa yang dipelihara daripada kekikiran dirinya, mereka itulah orang-orang yang beruntung.*

7. Rasulullah s. 'a.w bersabda:<sup>7</sup>

*Maksudnya:Sebaik-baik zaman/kurun adalah zaman aku, kemudian generasi selepas itu, kemudian generasi selepas itu.*

8. Sabdanya lagi:<sup>8</sup>

*Maksudnya: Jangan kamu mencaci sahabat-sahabatku. Demi Allah sesungguhnya jika seseorang membelanjakan emas sebesar bukit Uhud, nescaya belum dapat menyamai secupak/nilai iman mereka itu atau separuh daripadanya.*

9. Sabda Baginda lagi:<sup>9</sup>

*Maksudnya: Allah, Allah bersama para sahabatku. Janganlah kamu menghina mereka selepas kewafatanku. Barangsiapa mengasihi mereka, maka aku mengasihi mereka itu. Tetapi sesiapa yang memusuhi mereka, maka aku memusuhi mereka itu. Dan barangsiapa menyakiti mereka sesungguhnya ia menyakiti aku, dan sesiapa yang menyakiti aku, sebenarnya ia menyakiti Allah. Sesiapa yang menyakiti Allah, maka ia hampirlah kepada siksa dan azab Allah.*

Inilah masyarakat yang paling tinggi dan unggul akhlak mereka dalam sejarah hidup manusia. Dengan meneliti keperibadian generasi sahabat, didapati masyarakat berakhlak memiliki ciri-ciri berikut:

**Ciri Pertama:**

Berakhlak dengan pencipta iaitu Allah Ta'ala. Maksud akhlak di sini ialah mengabdikan diri sepenuhnya kepada Allah Ta'ala dalam seluruh kegiatan hidup. Perkara ini dikenali sebagai 'aqidah Islamiyyah. Dalam hal ini Allah berfirman dalam surah al-Zariyat, ayat 56:

*Maksudnya: Dan aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembahku.*

---

<sup>7</sup>Muttafaq alaih, al-Bukhari, no. Hadith: 2651, Muslim, no. Hadith: 2533.

<sup>8</sup>Muttafaq alaih, al-Bukhari no. Hadith: 3673, Muslim, no. Hadith: 2540.

<sup>9</sup>Al-Termizi, no. Hadith: 3862, Ibn. Hibban, no. Hadith: 7212.

Firman-Nya juga dalam surah al-Nahl ayat 36:

*Maksudnya: Dan sesungguhnya Kami telah mengutus para Rasul pada tiap-tiap umat (untuk menyerukan) : "Sembahlah Allah dan jauhilah taghut itu.."*

#### **Ciri Kedua:**

Berakhlak dengan pemimpin (Rasulullah s.'a.w). Ia bermaksud patuh dan bekerjasama dengan pemimpin di kalangan orang beriman dalam perkara-perkara yang baik, bukannya perkara jahat atau kemungkar. Dalam perkara ini Allah berfirman surah al-Nisa' ayat 59:

*Maksudnya: Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul-Nya dan Ulil Amri di kalangan kamu.*

#### **Ciri Ketiga:**

Berakhlak dengan sesama anggota masyarakat. Ia bermaksud bantu membantu sesama anggota masyarakat dalam melaksanakan kebaikan dan taqwa, bukannya dalam perkara-perkara buruk dan mendatangkan dosa. Allah menjelaskan perkara tersebut dalam surah al-Maidah ayat 2:

*Maksudnya: Dan tolong menolonglah kamu dalam (menger-jakan) kebaikan dan taqwa, dan jangan tolong menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah , Sesungguhnya Allah amat berat siksa-Nya.*

#### **Ciri Keempat:**

Membersihkan diri dan anggota masyarakat dari unsur-unsur kerendahan diri, samada secara zahir atau batin, seperti jenayah, khianat, maksiat, rasuah, penyakit-penyakit hati dan sebagainya. Allah menjelaskan perkara itu dalam firman-Nya surah al-Syura ayat 37:

*Maksudnya: dan (bagi) orang-orang yang menjauhi dosa-dosa besar dan perbuatan-perbuatan keji, dan apabila mereka marah mereka memberi maaf.*

### Ciri Kelima:

Berakhlak kepada peraturan hidup (Syari'ah Islamiyyah). Iaitu beriltizam dengan peraturan halal dan haram sepertimana yang digariskan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah. Allah Ta'ala menghuraikan perkara ini dalam surah al-Ahzab ayat 36:

*Maksudnya: Dan tidaklah patut bagi laki-laki yang mukmin dan tidak (pula) bagi perempuan yang mukmin, apabila Allah dan Rasul-Nya telah menetapkan sesuatu ketetapan, akan ada bagi mereka pilihan (yang lain) tentang urusan mereka. Dan barang siapa mendherakai Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya dia telah sesat, sesat yang nyata.*

Masyarakat yang memiliki ciri-ciri inilah yang disebut sebagai masyarakat bertamaddun dan maju, kerana ia mempunyai landasan dan kaedah yang betul dalam pengurusan hidup (mencangkupi seluruh bidang kehidupan).<sup>10</sup> Itulah intipati akhlak dalam Islam. Dengan itu, sesebuah masyarakat dikatakan tidak bertamaddun walaupun maju dari segi material jika bankrap dari segi nilai dan moral. Rasulullah s. 'a.w pernah menegaskan perkara itu sewaktu baginda menjelaskan maksud muflis bahawa muflis bukannya orang yang tidak punya harta banyak, tetapi muflis sebenar ialah orang yang tidak ada pahala dan kebaikan untuk akhiratnya. Allah Ta'ala juga telah menghuraikan secara terperinci tentang jenis manusia yang tidak berakhlak. Kedudukan mereka adalah sama dengan haiwan malah lebih rendah dari itu. Firman Allah dalam surah al-A'raf ayat 179:

*Maksudnya: Dan sesungguhnya Kami telah jadikan untuk (isi neraka jahannam) kebanyakan daripada jin dan manusia, mereka mempunyai hati, tetapi tidak dipergunakan untuk memahami (ayat-ayat Allah) dan mereka mempunyai mata, (tetapi) tidak dipergunakannya untuk melihat (tanda-tanda kekuasaan Allah) dan mereka mempunyai telinga (tetapi) tidak dipergunakan untuk mendengar (ayat-ayat Allah). Mereka itu sebagai binatang ternakan, bahkan mereka lebih sesat lagi. Mereka itulah orang-orang yang lalai.*

---

<sup>10</sup>Ayat-ayat al-Qur'an berikut menjelaskan gambaran sebenar masyarakat Islam yang bertamaddun: al-Baqarah; 177, al-Ra'd; 19-22, al-Mukminun; 1-11, al-Furqan; 63-76, al-Syura; 36-40, al-Isra'; 23, al-Nisa'; 36, al-Maidah; 9, al-Insan; 7-8

Begitu juga dikatakan tidak bertamaddun sekiranya masyarakat melakukan syirik dengan menolak Syari'ah Islamiyah sebagai dasar hidup dan perjuangan. Dari sinilah lahirnya berbagai fenomena krisis masyarakat seperti gejala sosial dan moral seperti zina, rogol dan gejala jenayah bunuh, buang bayi, dadah, mabuk arak, gila judi dan tenggelam dalam dunia hiburan yang melalaikan. Inilah yang pernah ditegaskan oleh Syeikh Dr Yusuf al-Qaradawi dalam bukunya "Masyarakat Islam"<sup>11</sup>

## SISTEM POLITIK ISLAM

### PENGENALAN

Al-Qur'an dan al-Sunnah telah menggunakan berbagai-bagai pendekatan dalam menghuraikan sistem politik Islam. Di antaranya:

1. Menggariskan dasar-dasar sistem politik Islam (surah al-Maidah ayat 2 dan lain-lain)
2. Mewajibkan pelaksanaan sistem politik Islam (surah al-Nisa' ayat 58 dan lain-lain)
3. Mengutarakan konsep kepimpinan Islam (surah Saad ayat 26 dan lain-lain)
4. Menjanjikan azab dan seksa kepada musuh politik Islam (surah al-Maidah ayat 44, 45 & 47, surah Yunus ayat 13-14 dan lain-lain)

Gagasan politik Islam telah diperincikan oleh Rasulullah s. 'a.w. melalui pelaksanaan sistem politik Islam di Madinah dan di Makkah. Malah Rasulullah s. 'a.w adalah orang pertama yang menegakkan sistem politik Islam melalui sistem pemerintahan Negara Islam. Rasulullah s. 'a.w telah menunjuk jalan dan cara menegakkan Negara Islam, menjalankan pemerintahan dan pentadbiran negara Islam, menjamin kesejahteraan dan keamanan rakyat, mengatur kegiatan dakwah Islamiah, menjaga kepentingan dan kebajikan rakyat, mempertahankan kesucian Islam sebagai sistem hidup, melaksanakan keadilan sejagat tanpa mengira batas-batas perbezaan semulajadi, mengadakan hubungan antara bangsa dan segala hal yang berkaitan dengan politik Islam.<sup>12</sup>

---

<sup>11</sup>Dr. Yusuf al-Qaradawi, *op.cit* m.s. 97-99.

<sup>12</sup>Abd Wahab Khallaf, *al-Siasah al-Syar'iyah*, Beirut, 1987 m.s. 9, Abd. Wahab Khallaf, *al-Sultat al-Thalaht fi al-Islam*, Kaherah 1980, m.s. 3-31, Abd. Kader Awdah, *al-Islam wa Awd'una al-Siasiyah*, Beirut 1984, m.s. 109.



Gagasan politik Islam diteruskan oleh para Khulafa' al-Rasyidin dan khalifah-khalifah selepas mereka itu. Berbagai-bagai perubahan dan pembaharuan dilakukan oleh mereka itu dalam rangka meneruskan mesej politik Islam.

Namun begitu sistem politik Islam telah diabaikan oleh banyak pihak terutama pemimpin sekular. Mereka tidak faham dan tidak bersedia menerima kebaikan sistem politik Islam sebagai agenda asas dalam politik negara. Dengan itu, sistem politik barat telah mendapat tempat yang paling istimewa dalam negara-negara umat Islam, dengan memakai berbagai-bagai nama, seperti demokrasi, kebangsaan, pragmatis, liberal, sosialis dan sebagainya. Pada masa yang sama, umat Islam terpaksa menerima hakikat bahawa sistem-sistem itu tidak mempunyai prinsip akhlak dan moral yang sejagat, kerana kepentingan politik puak-puak tertentu merupakan asas utama.<sup>13</sup> Dengan itu, tidak hairan mengapa masyarakat semakin maju dalam pembangunan dan material, tetapi menghadapi keruntuhan moral, akhlak dan nilai begitu teruk seperti yang disaksikan oleh dunia pada zaman ini.

Oleh itu, satu keperluan yang tidak dapat disembunyikan lagi bahawa pemimpin dan masyarakat kini perlu memahami agenda politik Islam sebagai wawasan dunia baru, bagi menyelamatkan seluruh krisis yang sedang mencengkam masyarakat sekarang.

## **PENGERTIAN SISTEM POLITIK ISLAM**

Sistem Politik Islam bermaksud peraturan-peraturan yang mengatur urusan pemerintahan dan pentadbiran negara berlandaskan ajaran Islam, bagi menjamin keselamatan dan kemajuan rakyat.

Pengertian di atas merangkumi perkara-perkara berikut:

### **1. Bidang-bidang sistem politik Islam**

Iaitu pemerintahan dan pentadbiran negara. Ia merangkumi bidang perundangan, perlembagaan, kehakiman, keselamatan dalam negeri, ekonomi, pendidikan, kemasyarakatan, hubungan luar negara dan sebagainya.

### **2. Landasan sistem politik Islam**

Iaitu mengikut landasan syara'. Sistem Politik Islam menjadikan Al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai rujukan tertinggi, di samping ijtihad apabila keadaan

---

<sup>13</sup>*Al-Mawsu'ah al-Muyassarrah*, *op. cit* m.s. 370.

memerlukannya. Ini kerana dasar politik Islam adalah bertunjang kepada 'aqidah Islamiah dan tidak ada pemisahan antara politik negara dengan Agama Islam. Dengan itu seluruh kegiatan dan operasi sistem politik Islam berdasarkan landasan syara'.

### 3. Matlamat Politik Islam

Iaitu menjamin kepentingan Islam dan masyarakat dalam seluruh aspek kehidupan seperti keselamatan, keamanan, kebajikan, kemajuan dan sebagainya. Oleh itu, menjadi tugas penting sistem politik Islam untuk merangka strategi yang baik bagi melindungi masyarakat dari ancaman-ancaman dalam dan luar, samada dalam bentuk ancaman pemikiran sesat dan menyeleweng, budaya liar, jenayah atau serangan bersenjata dari pihak musuh.

## PRINSIP/DASAR-DASAR SISTEM POLITIK ISLAM

Dasar-dasar sistem politik Islam merupakan tunggak dan asas yang telah digariskan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah bagi memandu dan mengarahkan kegiatan politik Islam.<sup>14</sup> Berpandukan prinsip atau dasar-dasar yang tetap itu, para 'ulama' dan pemimpin negara Islam dapat menjalankan sistem politik Islam dengan baik dan menepati matlamat sistem politik Islam itu sendiri. Di antara prinsip-prinsip tersebut ialah:

### Prinsip Pertama:

**Al-Siyadah dan al-Hakimiyyah hanya bagi Allah Ta'ala.**<sup>15</sup> Maksudnya: Kuasa Tertinggi dalam memutuskan sesuatu polisi /dasar negara ialah Allah Ta'ala. Ini bererti segala keputusan yang dibuat hendaklah selaras dengan syari'ah Islamiah. Oleh yang demikian, mana-mana polisi yang bercanggah dengan syari'ah Islamiah dikira telah melanggar prinsip di atas dan terbatal dengan sendirinya. Inilah tunggak terpenting yang menunjangi sistem politik Islam kerana umat Islam dikehendaki menerima *uluhiyyah* dan *rububiyyah* Allah Ta'ala. Begitulah kedudukan seorang hamba Allah dalam kontek pengabdianya kepada Allah, sepertimana yang dinyatakan oleh nas-nas al-Qur'an dan al-Sunah: Antaranya:

- a. Firman Allah dalam surah Alam Nasyrah ayat 7-8:

*Maksudnya: Maka apabila kamu telah selesai (dari sesuatu urusan),*

<sup>14</sup>Sa'di Abu Jaib, *Dirasah fi Minhaj al-Islam al-Siyasi*, Beirut, 1985, m.s 446.

<sup>15</sup>Dr. Nizam Mahmud Barakat, *Muqaddimah fi al-Fikr al-Siyasi*, Riyad, 1985, m.s. 95.

*kerjakanlah dengan sungguh-sungguh (urusan) yang lain. Dan hanya kepada tuhanmulah hendaknya kamu berharap*

b. Firman Allah dalam surah al-Maidah ayat 44:

*Maksudnya: Kerana itu janganlah kamu takut kepada manusia (tetapi) takutlah kepada-Ku. Dan janganlah kamu menukar ayat-ayat-Ku dengan harga yang sedikit. Barang siapa yang tidak memutuskan sesuatu perkara menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang kafir.*

c. Pesanan Rasulullah s. 'a.w kepada Ibn Abbas:

*Maksudnya: Jika kamu meminta sesuatu, mintalah kepada Allah. Dan jika kamu memohon pertolongan maka mohonlah kepada Allah.*

Berdasarkan prinsip ini, kita dapati sistem politik Islam menetapkan perkara-perkara berikut:

- i. Tanggungjawab pemerintah adalah melaksanakan syari'ah Islamiah, mempertahankannya, patuh dan beriltizam dengan peraturan Islam.
- ii. Pemimpin akan disoal dihadapan Allah terhadap kepimpinan dan kerja-kerjanya sebagai pemimpin.
- iii. Pemimpin tidak dibenarkan melakukan perkara yang bercanggah dengan syariat dalam pemerintahan negara.
- iv. Pemerintah hendaklah merujuk kepada al-Qur'an dan al-Sunnah dalam pemerintahannya.

Firman Allah dalam surah al-Nisa' ayat 59:

*Maksudnya: Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikan ia kepada Allah (al-Qur'an) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya.*

Sistem Politik Islam juga mengharuskan para pemimpin/'ulama' membuat rujukan kepada beberapa kaedah ijtihad lain yang diiktiraf oleh syara' seperti *qias*, *istislah*, *istihsan* dan lain-lain lagi. Kaedah-kaedah tersebut sebenarnya dapat

membantu perkembangan dan kemajuan sistem politik Islam, seterusnya mengukuhkan lagi politik umat Islam.

### **Prinsip Kedua:**

**Al-'Adalah**<sup>16</sup> ertinya Keadilan. Keadilan bermaksud tidak menyeleweng dari dasar-dasar yang telah ditetapkan sistem politik Islam, iaitu menunaikan hak dan tanggungjawab kepada orang yang berhak menerimanya dan tidak merampas hak orang lain.

Keadilan mengikut kaca mata politik Islam merupakan tugas semulajadi dan juga tugas perundangan, seperti yang dijelaskan oleh firman Allah Ta'ala dalam surah al-Nisa' ayat 58:

*Maksudnya: dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia, supaya kamu menetapkan dengan adil.*

Dengan kedudukan itu, maka dasar keadilan dijadikan sebagai syarat kelayakan dan syarat operasi dalam berbagai institusi Kepimpinan Islam seperti istitusi khalifah, *wizarah*, kehartaan, institusi kemasyarakatan dan sebagainya.

Seterusnya kita dapati dasar keadilan ini juga menunjangi perhubungan antarabangsa dalam Islam seperti yang ditegaskan oleh nas al-Qur'an, surah al-Hujurat ayat 9:

*Maksudnya: dan berlaku adillah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil.*

Muhammad al-Mubarak menjelaskan bahawa dasar keadilan tercapai melalui dua bentuk pelaksanaan berikut:<sup>17</sup>

**Pertama:** Menghalang dan menghapuskan kezaliman, menyelamatkan dan membantu mangsa kezaliman, dengan cara menyekat kegiatan pencerobohan ke atas hak orang lain samada yang melibatkan harta, kehormatan dan nyawa. Kemudian mengembalikan hak-hak tersebut mengikut landasan.

**Kedua :** Menjamin hak-hak dan kebebasan rakyat untuk menjalani kehidupan sebagai manusia yang merdeka dari segi hak bekerja dan mencari harta, hak pendidikan, hak sosial, hak politik dan bersuara dan sebagainya. Tidak ada mana-

---

<sup>16</sup>Muhammad al-Mubarak, *Nizam al-Islam, al-Hukm wa al-Dawlah*, Beirut, 1989, m.s. 45.

<sup>17</sup>*Ibid*

mana pihak yang ditindas atau dinafikan hak-hak semulajadi mereka, selama mana mereka menggunakan hak itu tanpa menimbulkan gangguan dan fitnah kepada keselamatan masyarakat dan negara.

**Prinsip Ketiga: Syura.<sup>18</sup>**

Prinsip syura bermaksud proses membuat keputusan adalah melalui perbincangan dan penelitian yang mendalam dari pihak yang berautoriti dan pakar dalam pemerintahan negara dan urusan-urusan yang berkaitan dengannya.

Melalui prinsip inilah pemilihan pemimpin negara dibuat. Begitu juga dengan perancangan-perancangan yang melibatkan berbagai sektor dalam negara. Ia juga dapat memberi saluran yang betul untuk mengemukakan pandangan dan kritikan terhadap penyelewengan yang dilakukan oleh pihak kerajaan atau pemerintah, atau mengemukakan nasihat, pandangan membina, cadangan dan sebagainya.

Prinsip syura adalah suatu yang diwajibkan ke atas kerajaan Islam kerana ia melahirkan kekuatan dalam pemerintahan dan dapat mengukuhkan kepercayaan rakyat kepada kerajaan. Sebab itu al-Qur'an menegaskan prinsip tersebut dengan jelas dalam surah al-Syura, ayat 38:

*Maksudnya: Dan (bagi) orang-orang yang menerima (mematuhi) seruan Tuhannya dan mendirikan solat, sedang urusan mereka (diputuskan) dengan mesyuarat antara mereka. Dan mereka menafkahkan sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka.*

Berhubung dengan prinsip syura ini, 'ulama' Islam telah menetapkan bahawa ia tidak dapat mengubah hukum-hukum Islam yang telah ditetapkan secara *qat'i* oleh nas-nas. Oleh itu, perlaksanaannya adalah dalam perkara-perkara yang memerlukan ijtihad sahaja, seperti kes-kes yang tidak dihuraikan oleh nas al-Qur'an atau al-Sunnah. Kenyataan di atas boleh dirujuk kepada pelaksanaan syura di zaman Rasulullah s. 'a.w dan para sahabat.

**Prinsip Keempat: Persamaan<sup>19</sup>**

Prinsip persamaan bermaksud : Politik Islam tidak membezakan tanggungjawab dan hak-hak serta layanan kepada seseorang mengikut perbezaan bangsa, keturunan, bahasa dan sebagainya. Ini kerana persamaan ini telah diakui oleh Islam melalui

---

<sup>18</sup>Dr. Muhammad Yusuf Musa, *Nizam al-Hukm fi al-Islam*, Beirut, m.s. 179.

<sup>19</sup>Dr. Nizam Mahmud Barkat, *op.cit*, m.s. 98.

firman Allah dalam surah al-Nisa' ayat 1:

*Maksudnya: Hai sekalian manusia, bertaqwalah kepada tuhanmu yang telah menciptakan kamu dari seorang diri, dan daripadanya Allah menciptakan isterinya, dan daripada keduanya Allah memperkembang biakkan laki-laki dan perempuan yang banyak.*

Prinsip persamaan ini juga telah dinyatakan oleh surah al-Hujurat ayat 13:

*Maksudnya: Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi kami ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.*

Manakala soal perbezaan agama dan status kerakyatan pula, bukanlah faktor yang mengharuskan kezaliman atau penindasan serta penafian hak-hak dan layanan baik dalam negara /politik Islam. Malah rakyat bukan Islam berhak mendapat hak-hak asasi yang ditetapkan oleh negara Islam. Begitu juga mereka dikehendaki melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang sama dengan orang Islam dalam mempertahankan dan membangunkan negara Islam.<sup>20</sup>

Berhubung dengan hak memegang jawatan penting dalam negara Islam atau hak-hak politik seperti mengundi untuk melantik khalifah dan lain-lainnya, perkara ini adalah hak yang khusus kepada rakyat Islam kerana ia merupakan suatu identiti wajib bagi sebuah negara Islam. Negara Islam bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjalan dan melaksanakan syari'ah Islamiah sebagai undang-undang tertinggi dalam negara. Oleh itu, bagaimana orang-orang bukan Islam yang tidak menerima Islam dan tidak memahami Islam bersedia untuk melaksanakan Islam jika memegang jawatan penting dalam negara Islam. Sebab itulah negara Islam perlu mempunyai pemimpin yang beragama Islam dan benar-benar bersedia melaksanakan Islam dalam pemerintahannya. Muhammad al-Mubarak menganggap perkara ini sebagai perkara biasa yang telah diamalkan oleh negara bukan Islam, seperti negara barat dan komunis. Mereka tidak akan membenarkan sama sekali orang-orang Islam yang tidak beriman dengan sistem politik mereka untuk menerajui kepimpinan negara mereka.<sup>21</sup>

---

<sup>20</sup>Muhammad al-Mubarak, *op.cit*, m.s. 123.

<sup>21</sup>*Ibid*

Malah mereka berjuang bermati-matian untuk menghalang wujudnya Negara Islam seperti yang berlaku di Chechnya, Bosnia, Algeria dan Palestin.

Oleh itu apabila Islam menetapkan perkara tersebut, ia sebenarnya bertepatan dengan sistem politik negara Islam dan politik moden. Tetapi sekiranya Negara Islam membenarkan orang bukan Islam memegang jawatan politik dan penting, maka inilah suatu penyelewengan yang nyata daripada prinsip asas politik Islam.

## OBJEKTIF SISTEM POLITIK ISLAM

Sistem politik Islam membawa mesej yang sangat penting kepada kesucian Islam dan kehidupan masyarakat, kerana ia merupakan institusi yang bertanggungjawab secara langsung kepada pelaksanaan Islam secara menyeluruh. Ianya berperanan secara langsung kepada jaminan kebahagiaan manusia di hari akhirat. Sebab itu politik Islam bukannya suatu alat murahan untuk mengaut kekuasaan atau kekayaan diri, sebaliknya ia merupakan satu amanah Ilahi yang dinyatakan Allah dalam surah al-Baqarah ayat 30:

*Maksudnya: Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para Malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi."*

Antara mesej dan objektif sistem politik Islam ialah:<sup>22</sup>

1. Menegakkan negara Islam atau khilafah Islamiah
2. Mewujudkan kepimpinan Islam yang berkualiti.
3. Membersihkan masyarakat daripada segala bentuk fasad.
4. Menjamin kesatuan umat

---

<sup>22</sup>Ibn. Taimiyyah menjelaskan bahawa firman Allah dalam surah al-Nisa' ayat 58-59 menetapkan dua dasar berikut:

- a. Wajib melaksanakan segala bentuk amanah yang dipertanggungjawabkan
- b. Wajib menjalankan hukum dan pemerintahan dengan adil.

Bagi beliau, inilah mesej utama sistem politik Islam. (Lihat Ibn. Taimiyyah, *al-Siyasah al-Syar'iyah*, m.s. 4-5).

Berdasarkan kenyataan ini, penulis meluaskan mesej tersebut kepada 4 mesej iaitu:

- i. Menegakkan negara Islam
- ii. Mewujudkan kepimpinan Islam
- iii. Membersihkan masyarakat daripada segala fasad.
- iv. Menjamin kesatuan umat.

### **Pertama: Menegakkan Negara Islam**

Objektif utama sistem Politik Islam ialah menegakkan negara Islam yang mendaulatkan syari'ah Islamiah sebagai undang-undang tertinggi negara. Negara Islam merupakan institusi yang bertanggungjawab sepenuhnya untuk melaksanakan ajaran Islam secara berkesan dan menyeluruh kerana ia mempunyai kuasa politik dan perundangan serta mendapat kepercayaan sokongan masyarakat

Dengan kedudukan dan kepentingan itu, kita dapati Islam mengarahkan supaya umatnya menegakkan negara Islam, sebagaimana yang dinyatakan oleh dalil-dalil berikut:

1. Firman Allah surah al-Nisa', ayat 59:

*Maksudnya: Wahai orang-orang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul dan pemimpin-pemimpin di kalangan kamu.*

Perkataan *uli al-amri* dalam ayat di atas bermaksud orang-orang yang mendapat mandat untuk mengendalikan pemerintahan negara atau mana-mana institusi. Allah Ta'ala mengarahkan kita patuh kepada mereka itu supaya mereka dapat menjalankan tugas pemerintahan/pentadbiran dengan sempurna. Kewajipan mematuhi para pemimpin bererti wajibnya melantik mereka itu, kerana jika tidak wajib melantik pemimpin, maka apa perlunya Allah Ta'ala mewajibkan kepatuhan dan ketaatan. Perlantikan pemimpin inilah yang membuktikan Islam mengarahkan penubuhan negara Islam, kerana tanpa negara, pemimpin tidak diperlukan, seterusnya kepatuhan juga tidak berbangkit lagi.

2. Sabda Rasulullah s. 'a.w :<sup>23</sup>

*Maksudnya: Setiap daripada kamu adalah pemimpin dan setiap pemimpin bertanggungjawab terhadap orang yang dipimpinnya. Seorang ketua negara adalah pemimpin kepada rakyat jelata, dan dia bertanggungjawab terhadap orang yang dipimpinnya. Seorang lelaki (suami) adalah pemimpin kepada ahli keluarganya dan dia bertanggungjawab terhadap orang yang dipimpinnya.*

Kita juga dapati, sistem politik Islam telah mengariskan beberapa kaedah dan panduan untuk membentuk/menubuhkan negara Islam dan urusan yang berkaitan dengannya.

---

<sup>23</sup> Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, bersama *Fath al-Bari*, Kaherah, 1986, juz. 13, m.s. 119 no. hadith: 7138.



Al-Qur'an dan al-Sunnah juga telah menggariskan dasar dan panduan asas dalam soal pemerintahan dan kenegaraan. Ia kemudiannya telah diperincikan perlaksanaannya oleh Rasulullah s. 'a.w. melalui perjuangan, dakwah dan pemerintahan Islam di Madinah.

Ketika Rasulullah s. 'a.w. wafat, Baginda telah melengkapkan seluruh dasar dan prinsip kenegaraan untuk diikuti oleh para sahabat. Setelah itu, para sahabat menyambung risalah perjuangan Rasulullah s. 'a.w. Mereka telah mengembangkan lagi sistem politik Islam melalui ijtihad, strategi dan program baru seperti yang dilakukan oleh Khulafa' al-Rasyidin dalam siri-siri sejarah politik Islam yang sungguh menarik, misalnya: serangan ke atas golongan murtad, pembukuan al-Qur'an, sistem jabatan kerajaan dan sebagainya.<sup>24</sup>

Suatu penegasan dalam hal ini ialah sistem politik Islam menyediakan mekanisma negara Islam sebagai satu kuasa politik yang bersistem dan berwibawa dalam mengembang dan melindungi Islam dari sebarang pencerobohan.

### **Kedua: Mewujudkan Kepimpinan Islam Yang Berkualiti**

Kepimpinan Islam yang berkualiti bermaksud pemimpin negara yang memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan oleh Islam dan menjalankan pemerintahan mengikut landasan Islam.

Kita dapati sistem Politik Islam telah menggariskan segala persoalan yang berkaitan dengan kepimpinan Islam seperti prinsip kepimpinan, syarat-syarat kelayakan, kaedah pemilihan dan perlantikan, tanggungjawab dan tugas, hak-hak mereka dan sebagainya.<sup>25</sup>

Politik Islam mempunyai mesej yang besar dalam soal kepimpinan kerana kepimpinan Islam sebenarnya bertanggungjawab penuh untuk menjayakan sistem politik Islam dalam sebuah negara Islam. Sebab itu tidak hairan mengapa Politik Islam memperincikan persoalan kepimpinan secara jelas dan terang. Dengan itu kita menolak pandangan yang mengatakan bahawa Islam tidak memperincikan sistem politiknya, atau memberikan kebebasan yang luas kepada para pemimpin untuk mengambil sistem barat sebagai sistem pemerintahan.

<sup>24</sup>Shukeri Mohamad, *al-Siyasah al-Syar'iyah wa Qawa'iduha fi Al-Iqab al-Ta'ziri*, tesis sarjana, Amman, 1994, m.s 31.

<sup>25</sup>Lihat Shukeri Mohamad, artikel bersiri kepimpinan Islam, di dalam *Harakah* dari 29 Mei 1995 hingga 19 Jun 1995.

Untuk melihat kenyataan di atas dengan lebih jelas ,kita perlu meneliti beberapa contoh nas-nas al-Qur'an dan al-Sunnah yang menyentuh secara langsung soal kepemimpinan Islam dari berbagai sudut. Antaranya:

1. Firman Allah, surah al-Nisa' ayat 144:

*Maksudnya: Hai orang yang beriman, janganlah kamu melantik / mengambil orang-orang kafir menjadi wali dengan meninggalkan orang-orang mukmin.*

Jelas di sini politik Islam tidak membenarkan sebarang bentuk kepemimpinan/ wilayah orang-orang bukan Islam ke atas orang Islam.

2. Firman Allah, surah al-Nisa' ayat 59:

*Maksudnya: Hai orang-orang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul dan uli al-Amri di kalangan kamu.*

Ayat ini pula menyatakan tanggungjawab melantik dan mematuhi pemimpin Islam.

3. Firman Allah, surah al-Nisa' ayat 34:

*Maksudnya: Kaum lelaki itu adalah pemimpin bagi kaum wanita, oleh kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (lelaki) atas sebahagian yang lain (wanita)*

Ayat ini menjelaskan syarat lelaki sebagai satu syarat kepemimpinan tertinggi.

4. Firman Allah, surah Fatir ayat 28:

*Maksudnya: Sesungguhnya yang benar-benar takut kepada Allah di antara kamu hanyalah 'ulama'*

Di sini Sistem Politik Islam menyatakan bahawa hanya pemimpin yang terdiri dari kalangan 'ulama' akan berjaya dalam kepemimpinan, kerana mereka memimpin dengan penuh taqwa, iaitu mengikut landasan Islam dan tidak melakukan penyelewengan.

5. Firman Allah, surah al-Baqarah ayat 44:

*Maksudnya: Mengapa kamu menyuruh orang lain (mengerjakan) kebaikan, sedangkan kamu melupakan dirimu sendiri*

Ayat ini mengajar supaya orang Islam menjadi pemimpin yang boleh dicontohi keperibadiannya, bukannya seorang yang hanya tahu mengarahkan orang lain semata-mata.

6. Firman Allah, surah al-Baqarah ayat 193:

*Maksudnya: Dan perangilah mereka itu sehingga tidak ada fitnah lagi dan (sehingga) agama itu hanya untuk Allah belaka.*

Sistem Politik Islam menggariskan tugas dan peranan pemimpin, iaitu menghancurkan golongan yang mengganggu kesejahteraan umat Islam atau yang mengganggu kesucian agama Islam.

7. Rasulullah s. 'a.w. menyatakan:

*Maksudnya: Apabila diserahkan urusan itu (kepimpinan) kepada orang-orang yang bukan ahlinya (tidak layak), maka tunggulah kehancuran/kiamat.*

Rasulullah s. 'a.w. mengingatkan supaya jangan melantik pemimpin yang tidak layak kerana kesannya sangat bahaya kepada Islam dan negara

Dengan wujudnya sistem kepimpinan Islam yang berkualiti, maka masyarakat yang bermoral dapat dilahirkan, kerana para pemimpin tersebut terdiri daripada kalangan orang-orang yang bermoral dan berakhlak. Mereka sentiasa mengambil berat tentang akhlak dan moral dengan merancang dan melaksanakan program/penghayatan moral dan akhlak sebagai agenda penting.

Sebaliknya jika para pemimpin tidak mempunyai akhlak yang baik, sudah tentu peraturan yang dijalankan dalam masyarakat mempunyai unsur-unsur yang bercanggah dengan akhlak Islam.

### **Ketiga: Menjamin Kesatuan Umat**

Kesatuan umat bermaksud bersatunya umat Islam di atas satu pengabdian diri kepada Allah Ta'ala dengan menjunjung perintah Allah dan satunya wala' kepatuhan mereka kepada para pemimpin yang menyambung perjuangan Nabi Muhammad s. 'a.w.

Kesatuan Umat merupakan agenda penting dalam Sistem Politik Islam, kerana Politik Islam percaya bahawa dengan kesatuan, dapat menjamin kekuatan dan kejayaan umat Islam. Dengan itu Sistem Politik Islam menentang segala usaha dan perkara yang membawa kepada perpecahan terutamanya perpecahan dalam pemikiran umat dan 'aqidah.

Apakah kesatuan Islam sama seperti slogan-slogan kesatuan lain yang dibawa oleh politik barat?

Konsep kesatuan yang diutarakan di atas telah menjawab persoalan tersebut. Namun begitu kita perlu juga meneliti asas-asas kesatuan umat yang digariskan oleh Sistem Politik Islam sebagaimana yang terdapat di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Antaranya:

1. Firman Allah, surah al-Hujurat ayat 10:

*Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang mukmin adalah bersaudara.*

Ayat ini menjelaskan bahawa asas kesatuan/persaudaraan adalah berdasarkan 'aqidah Islamiah. Inilah asas kesatuan yang paling kukuh sepertimana yang pernah ditunjukkan oleh para sahabat Rasulullah s. 'a.w.

2. Firman Allah, surah al-Ambiya' ayat 92:

*Maksudnya: Sesungguhnya (agama Tauhid) ini adalah agama kamu semua, agama yang satu dan Akulah Tuhanmu, maka sembahlah Aku.*

Ayat ini menyatakan kesatuan umat melalui pengabdian diri hanya kepada Allah Ta'ala, Tuhan yang Maha Esa.

3. Firman Allah, surah al-Maedah ayat 2:

*Maksudnya: Dan tolong menolonglah kamu dalam mengerjakan kebaikan/kebajikan dan taqwa, dan jangan tolong menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran.*

Ayat ini mengemukakan kesatuan amal dan tindakan iaitu bersatu dalam menegakkan kebenaran/kebaikan dan bersatu dalam menentang kemungkaran/maksiat.

4. Sabda Rasulullah s. 'a.w:<sup>26</sup>

*Maksudnya: Jangan kamu benci membenci, dan jangan kamu berhasad dengki, jangan kamu mengintip rahsia orang, jadilah kamu sebagai hamba Allah yang bersaudara. Tidak halal bagi seseorang Islam memulaukan saudaranya lebih dari tiga hari.*

---

<sup>26</sup>Muslim, *Sahih Muslim*, Beirut, 1994, juz 16, m.s. 115.

Hadith ini juga menerangkan asas kesatuan umat melalui kesatuan 'aqidah dan tindakan.

Berdasarkan kepada kenyataan di atas, kita dapati Sistem Politik Islam tidak bertolak ansur dengan sebarang unsur perpecahan seperti pemikiran sekular, ajaran sesat, kegiatan jenayah dan tidak bermoral.

Masyarakat yang berada di bawah perlindungan dan bayangan negara Islam dapat menikmati kesatuan hakiki sehingga tercapainya kekuatan umat yang sejati. Sebaliknya masyarakat yang berada di dalam sistem sekular sentiasa berpecah belah dan berbalah-balah kerana pemikiran mereka telah dipecahkan oleh berbagai fahaman sekular seperti asabiyyah, pragmatis, kapitalis, sosialis, liberal, demokrasi dan sebagainya.

#### **Keempat: Membersihkan Masyarakat Daripada Segala Unsur Fasad.**

Ia bermaksud membersihkan masyarakat daripada fasad politik, fasad ekonomi, fasad kemungkaran/maksiat, fasad keluarga dan masyarakat, fasad individu, fasad pendidikan, fasad pemimpin dan golongan elit dan sebagainya.

Segala fasad yang disebutkan itu sebenarnya berpunca daripada dasar kerajaan yang mengambil sistem barat dalam pemerintahan negara. Ini semua telah menimbulkan gejala kerosakan dan keruntuhan nilai dan moral. Dalam perkembangan terakhir ia telah menjalar kepada kejatuhan ekonomi/nilai ringgit negara ke tahap yang membimbangkan.

Unsur fasad inilah yang menjadi musuh kepada Sistem Politik Islam kerana Sistem Politik Islam mendokong kuat matlamat kesucian dan kesejahteraan umat/masyarakat dari segi pemikiran dan amalan.

Dari sinilah kita dapati Sistem Politik Islam membuat penegasan amar makruf dan nahi mungkar sebagai agenda **wajib** negara Islam.<sup>27</sup> Dengan itu semua kementerian, jabatan kerajaan dan seluruh institusi memainkan peranan dalam dakwah Islamiyyah. Apa yang berlaku sekarang ialah Pusat Islam bekerja keras berdakwah, tetapi Kementerian Pelancungan membenarkan budaya asing yang bercanggah dengan dakwah memasuki masyarakat. Majlis-majlis Agama Islam juga

---

<sup>27</sup>Muhammad al-Mubarak, *op.cit.*, m.s. 92. Dr. Arif Khalil Abu 'Id, *Nizam al-Hukm fi al-Islam*, Amman, 1996, m.s. 269.

berdakwah, sedangkan pada masa yang sama, Kementerian Penerangan dan Penyiaran, menayangkan filem-filem barat yang bercanggah dengan dakwah Islam. Perkara ini tidak sepatutnya berlaku!!!

Sebaliknya sistem politik bukan Islam membenarkan segala bentuk kemungkaran berleluasa dalam masyarakat yang menjadi punca utama keruntuhan moral dan krisis nilai masyarakat. Malah ini merupakan teori penguasaan yang dianjurkan oleh sistem politik barat, kerana mereka tahu apabila masyarakat dilalaikan dengan unsur nafsu dan kemungkaran, maka pemimpin dapat mengekalkan pengaruh mereka tanpa gangguan dari masyarakat yang hidup dalam khayalan dan nafsu.

Bagi melaksanakan objektif pembersihan masyarakat daripada fasad-fasad tersebut, Sistem Politik Islam telah menyediakan strategi dan plan bertindak yang mantap meliputi seluruh aspek iaitu dengan menguatkuasakan pengharaman dan hukuman ke atas perbuatan-perbuatan yang tidak bermoral atau unsur-unsur jenayah yang merosakkan kesucian masyarakat. Antaranya:

1. Menguatkuasakan pengharaman arak yang merupakan punca segala fasad dan kejahatan, seperti firman Allah, surah al-Maedah ayat 90:

*Maksudnya: Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya (meminum) khamar, berjudi, (berkorban untuk) berhala, mengundi nasib dengan panah adalah perbuatan keji termasuk perbuatan syaitan.*

2. Menguatkuasakan pengharaman riba/interest yang merupakan punca kepada fasad ekonomi iaitu pembaziran, kezaliman, kegawatan dalam ekonomi. Firman Allah, surah al-Baqarah ayat 275:

*Maksudnya: Padahal Allah menghalalkan jualbeli dan mengharamkan riba.*

3. Menguatkuasakan pengharaman judi yang merupakan punca kepada fasad ekonomi dan masyarakat serta membawa kepada jenayah. Allah menegaskan perkara ini dalam surah al-Maedah ayat 91:

*Maksudnya: Sesungguhnya syaitan itu bermaksud hendak menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu lantaran*

*(meminum) khamar dan berjudi itu, dan menghalang kamu dari mengingat Allah dan sembahyang, maka berhentilah kamu (dari mengerjakan pekerjaan itu)*

3. Menguatkuasakan pengharaman pergaulan bebas dan pendedahan aurat yang merupakan punca kepada fasad sosial dan kekeluargaan. Media massa dilarang daripada menonjolkan pergaulan bebas antara remaja dan pendedahan aurat dalam majalah, filem, rancangan fesyen dan sebagainya. Firman Allah, surah al-Nur ayat 30-31:

*Maksudnya: Katakanlah kepada orang laki-laki yang beriman: hendaklah mereka menahan pandangannya, dan memelihara kemaluannya, yang demikian itu lebih baik bagi mereka, Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang mereka perbuat. Katakanlah kepada wanita yang beriman: Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan memelihara kemaluannya, dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya, kecuali yang biasa nampak daripadanya.....*

6. Menguatkuasakan pengharaman pusat-pusat maksiat dan hiburan yang menjadi punca kepada fasad sosial.

7. Menguatkuasakan pengharaman segala bentuk jenayah, penipuan, rasuah yang merupakan punca kepada fasad masyarakat.

8. Menguatkuasakan pengharaman bahan-bahan penerbitan dan media masa yang tidak bermoral yang menjadi punca kepada fasad pemikiran masyarakat.

9. Menguatkuasakan pengharaman ideologi-ideologi barat yang bercanggah dengan Islam seperti pragmatik, sekular, demokrasi dan lain-lain yang merupakan punca kepada fasad politik dan pemikiran.<sup>28</sup>

---

<sup>28</sup>Dr. Arif Abu 'Id, *ibid.* m.s. 269-270.

## SUMBER-SUMBER SISTEM POLITIK ISLAM<sup>29</sup>

### 1. Al-Qur'an

Para 'ulama' Islam telah sepakat bahawa sumber utama politik Islam ialah al-Qur'an al-Karim. Ia bermaksud al-Qur'an menjadi undang-undang tertinggi yang menentukan dasar negara Islam dan segala peraturan yang hendak dilaksanakan dalam negara Islam. Dalam soal ini Allah Ta'ala telah membuat penegasan dalam surah al-Nisa' ayat 105:

*Maksudnya: Sesungguhnya Kami menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) kitab (al-Qur'an) dengan membawa kebenaran supaya engkau menghukumkan di antara manusia dengan apa yang Allah telah tunjukkan kepadamu.*

Penegasan yang sama dibuat dalam surah al-Maedah ayat 48:

*Maksudnya: Maka jalankanlah hukum di antara mereka (ahli Kitab) itu dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kepada kamu) dan janganlah engkau mengikut kehendak hawa nafsu mereka (dengan menyeleweng) dari apa yang telah datang kepadamu dari kebenaran.*

Dalam firman yang lain, Allah Ta'ala memberikan jaminan mutlak bahawa al-Qur'an sebagai kitab yang tidak mempunyai sebarang kekurangan atau diselewengkan. Firman Allah, surah Fussilat ayat 42:

*Maksudnya: Tidak didatangi oleh kebatilan dari hadapan dan tidak juga dari belakangnya.*

Firman Allah, Surah al-Hijr ayat 9:

*Maksudnya: Sesungguhnya Kami menurunkan peringatan (al-Qur'an) itu dan sesungguhnya Kami penjaganya.*

### 2. Al-Sunnah

'Ulama' Islam telah bersepakat mengatakan al-Sunnah sebagai sumber sistem

---

<sup>29</sup>Abd. Al-Kader Awdah, *al-Islam wa Awda'una al-Qanuniyyah*, m.s. 41-44.



## Pembentukan Masyarakat Berakhlak Mengikuti Politik Islam

politik yang kedua selepas al-Qur'an, berdasarkan dalil-dalil al-Qur'an dan al-Sunah sendiri. Antaranya:

- a. Firman Allah, surah al-Hasy ayat 7:

*Maksudnya; Segala apa yang dibawa oleh Rasul, maka ambillah dan segala yang dilarang oleh Rasul maka tinggalkanlah*

- b. Surah al-Nisa' ayat 8:

*Maksudnya: Sesiapa mematuhi Rasul, maka dia telah mematuhi Allah.*

- c. Surah al-Nisa' ayat 65:

*Maksudnya: Demi Tuhanmu, mereka tidak beriman kecuali sehingga mereka menjadikan kamu hakim terhadap apa yang mereka bertelingkah mengenainya, kemudian mereka tidak merasa di dalam hati mereka apa-apa rasa keberatan terhadap apa yang kamu putuskan itu dan terus menerima dengan sepenuh hati.*

- d. Surah al-Nahl ayat 44:

*Maksudnya: Dan Kami turunkan kepadamu al-Qur'an, agar kamu menerangkan kepada umat manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka memikirkan.*

- e. Sabda Rasulullah s. 'a.w :

*"Aku tinggalkan kepada kamu semua dua perkara, yang kalau kamu berpegang dengannya kamu tidak akan sesat. Kedua-duanya itu ialah kitabullah (al-Qur'an) dan sunnah Rasulnya."*

Rasulullah s. 'a.w telah melaksanakan Sistem Politik Islam apabila baginda mula berdakwah dan berjuang menegakkan kerajaan Islam sewaktu berada di Makkah. Antaranya mengadakan bai'ah Aqabah sebanyak dua kali dengan penduduk Madinah di musim haji sebelum hijrah. Seterusnya baginda menegakkan dasar politik Islam serta memperincikan beberapa tuntutan politik Islam di dalam negara Islam Madinah. Inilah yang dikatakan sunnah Rasulullah s. 'a.w. yang menjadi sumber politik Islam yang kedua, samada ia berbentuk perkataan, perbuatan, tindakan atau perakuan.

### **3. Amalan Para Sahabat dan Khalifah-khalifah Islam**

Amalah dan contoh yang telah ditunjukkan oleh para khulafa' al-Rasyidin juga diterima sebagai sumber Sistem Politik Islam kerana para sahabat merupakan generasi yang ditarbiah oleh Rasulullah s. 'a.w. Oleh itu, para 'ulama' yakin bahawa apa-apa tindakan yang diambil oleh mereka itu adalah berdasarkan kepada hukum Islam kerana mereka dikenali sebagai pendokong Islam yang paling agung dan unggul. Jadi, pandangan dan amalan para sahabat dan khulafa al-Rasyidin mempunyai nilai dan autoriti hukum yang tinggi selepas al-Qur'an dan al-Sunnah

Manakala amalan dan contoh daripada khalifah-khalifah Islam yang lain, boleh dijadikan sumber rujukan dengan penelitian dan penilaian supaya menepati Islam dan kehendak semasa

### **4. Ijtihad Di dalam Sistem Politik Islam**

Ijtihad ialah satu kaedah penentuan hukum dalam Islam, apabila tidak ada nas-nas yang menjelaskan perkara tersebut atau menentukan perlaksanaan sesuatu perkara. Ia menggunakan beberapa kaedah dan kepakaran seperti *qias*, *maslahah*, *sad al-zarai'* dan sebagainya. Ia merupakan satu mekanisma Sistem Politik Islam yang dinamis kerana mampu menghadapi berbagai situasi dan cabaran moden.

Oleh itu, lebih tepat kita katakan ijtihad adalah metod penentuan hukum yang digunakan oleh negara Islam mengikut landasan-landasan yang dibenarkan syara', contohnya: ijtihad digunakan oleh kerajaan Islam untuk mengawal harga barangan, menentukan bentuk hukuman ke atas orang makan riba dan rasuah dan sebagainya.

## **PELAKSANAAN POLITIK ISLAM DAN PEMBENTUKAN MASYARAKAT BERAKHLAK**

Sistem Politik Islam hanya boleh berperanan sekiranya ia dilaksanakan dalam negara. Tanpa perlaksanaan yang sepenuhnya, masyarakat berakhlak tidak mungkin dilahirkan. Di antara kesan secara langsung perlaksanaan Sistem Politik Islam ialah:

### **Pertama: Masyarakat Berakhlak Melalui Negara Islam**

Perlaksanaan Sistem Politik Islam menjadikan sesebuah negara sebagai negara Islam iaitu negara yang mendaulatkan ajaran Islam sebagai sistem pemerintahan

negara. Sebab itu, negara yang mengamalkan sistem politik Islam sahaja yang layak dipanggil sebagai negara Islam. Negara-negara yang mengamalkan sistem sekular tidak boleh dinamakan negara Islam walaupun terdapat beberapa program Islam yang dilakukan, kerana dasar negara tersebut adalah memisahkan agama dari urusan politik dan pentadbiran atau menolak ajaran Islam sebagai dasar negara.

Wujudnya negara Islam merupakan petanda awal ke arah pembentukan masyarakat bermoral dan rakyat berakhlak. Kerana negara Islam bertanggungjawab (secara semulajadi dan perundangan) terhadap kualiti masyarakat dari segi nilai, moral dan akhlak. Malah seluruh dasar dan program negara Islam tidak boleh bercanggah dengan nilai-nilai akhlak atau keredaan Allah Ta'ala.

Untuk mencapai tujuan tersebut, kita dapati negara Islam menguatkuasakan peraturan-peraturan berikut:

- i. Menyebarkan ajaran Islam kepada masyarakat supaya memahami Islam dengan sebenarnya dan beriltizam dengan akhlak Islam.
- ii. Menghalang unsur-unsur yang merosakkan akhlak dengan sungguh-sungguh.
- iii. Mengenakan tindakan undang-undang ke atas pihak yang bertanggungjawab meruntuhkan akhlak dan keperibadian masyarakat, seperti hukum hudud ke atas peminum arak dan orang yang membenarkannya, hukuman ke atas orang yang makan riba dan orang yang menghalalkannya, walaupun melibatkan para pemimpin besar dalam negara.

### **Masyarakat Berakhlak Melalui Kepimpinan Islam**

Perlaksanaan Sistem Politik Islam menjamin lahirnya para pemimpin negara yang berkualiti dari segi amanah, tanggungjawab dan ketaqwaan, seterusnya dapat membangun dan memajukan negara dengan cara yang betul.

Sistem Politik Islam mempunyai dasar kepimpinan dan syarat-syarat yang sangat ketat bagi menjamin tidak berlakunya penyelewengan, kerana pemimpin adalah orang yang akan menentukan arah tuju sebuah negara dan masyarakat.

Antara dasar tersebut ialah:

- i. Pemimpin yang hendak dilantik mestilah memenuhi ciri-ciri kelayakan dan syarat-syarat asas seperti beragama Islam, iltizam dengan ajaran Islam, bertaqwa, mampu berijtihad, memahami selok-belok pemerintahan dan pentadbiran dan sebagainya.
- ii Pemimpin hendaklah dipilih melalui kaedah syura yang betul seperti *ahl al-hal wa al-Aqd* yang menjalankan tugas mengikut peraturan Islam.
- iii. Pemimpin yang menyeleweng atau melakukan kezaliman mestilah diperbetulkan. Sekiranya degil, ia perlu diganti.

Para pemimpin politik Islam merupakan orang pertama dalam negara Islam yang melaksanakan seluruh tuntutan akhlak dan moral. Mereka menjadi contoh dan tauladan secara langsung kepada masyarakat dalam segala hal (pemikiran, percakapan, pengurusan, perlakuan, perbuatan dan sebagainya). Inilah merupakan tajuk utama yang diutarakan oleh 'ulama' Islam berhubung dengan kepimpinan Islam sepertimana yang ditulis oleh al-Mawardi, Ibn. Jamaah, Ibn Abi al-Rabi', Ibn. Taimiyyah dan lain-lain 'ulama' Islam.<sup>30</sup>

Dari situlah mereka menggerakkan program yang bermoral dan berakhlak ke dalam masyarakat.

Dengan itu Sistem Politik Islam dapat membersihkan para pemimpin dari gejala keruntuhan akhlak seperti rasuah, politik wang, skandal seks, pecah amanah, penipuan, makan duit rakyat dan sebagainya. Keadaan ini mendatangkan rahmat yang besar kepada rakyat kerana mereka dapat membangun secara sihat tanpa penyelewengan. Sebab itu dikatakan masyarakat bersih dan berakhlak akan lahir sekiranya pemimpin mereka bersih dan berakhlak. Tetapi pemimpin yang tidak berakhlak hanya akan melahirkan masyarakat yang rosak pemikiran dan akhlak mereka.

---

<sup>30</sup>Ibn. Taimiyyah, *op.cit*, m.s. 9-26, Al-Mawardi, *Qawanin al-Wizarah*, Iskandariyyah, 1978, m.s. 46-60, Al-Mawardi, *Nasihatul Mulk*, Baghdad, 1986, m.s. 51-563, Ibn. Jama'ah, *Tahrir al-Ahkam fi Tadbir ahl al-Islam*, Qatar, 1988, m.s. 48-86.

### **Ketiga: Masyarakat Berakhlak Melalui Kesatuan Umat.**

Pelaksanaan Sistem Politik Islam akan melahirkan kesatuan umat yang hakiki kerana Sistem Politik Islam akan melindungi rakyat di bawah satu kesatuan, iaitu kesatuan iman dan 'aqidah dan kesatuan Syari'ah Islamiah sebagai dasar hidup.

Lantaran itu sistem politik Islam tidak mengizinkan mana-mana ideologi sesat dan kufur masuk dan mempengaruhi masyarakat, kerana ia merupakan punca perpecahan umat.

Manakala soal perbezaan pandangan dan pendapat atau ijtihad dalam soal teknikal atau pendekatan, ia tidak dikira sebagai unsur perpecahan, sebaliknya ia adalah suatu kebaikan, kerana memberikan ruang berfikir kepada pemimpin dan masyarakat. Mereka dapat memberikan pandangan dan teguran membina ke arah kemajuan dan kejayaan bersama, selama mana teguran itu tidak terkeluar dari dasar Islam.

Apa yang ditekankan ialah, Sistem Politik Islam tidak mengizinkan berlakunya percanggahan dalam perkara pokok atau yang menyentuh kesatuan umat, kerana ia membawa kesan buruk kepada politik umat Islam. Sebaliknya kesatuan dan perpaduan akan mengukuhkan peradaban dan akhlak masyarakat.

### **Keempat: Masyarakat Berakhlak Melalui Pembersihan Fasad-fasad**

Pelaksanaan Sistem Politik Islam membersihkan masyarakat dari segala bentuk fasad, kerana Sistem Politik Islam menggunakan langkah pencegahan seperti yang dianjurkan oleh Islam iaitu :menutup pintu dan saluran yang membawa kepada keburukan (*sad al-zara'i*) dan menyekat *mafsadah* didahulukan ke atas mengaut keuntungan (*daf' al-madarrah/mafsadah muqaddamun ala jalbi al-manfa'ah*)

Dengan itu Sistem politik Islam berjaya menghalang berlakunya kejadian buruk. Sebaliknya sistem politik barat memang membiarkan unsur-unsur *mafsadah* berlaku kerana mereka ada kepentingan di sebalik kejadian-kejadian tersebut dari segi perhitungan politik, sebagaimana kepentingan kawasan setinggan kepada kerajaan di musim-musim pilihanraya di mana penduduk setinggan dapat di belenggu pemikiran dan kewarasan mereka dengan janji-janji mendapat geran dan hak milik tanpa suatu penghujung dan kesudahan. Di situlah pemimpin kerajaan dapat meraih undi yang sangat diperlukan.

Apabila Sistem Politik Islam menguatkuasakan strategi-strategi pencegahan itu, sudah tentu ruang untuk berlakunya fasad-fasad itu lebih sukar. Namun begitu sekiranya masih ada lagi orang yang degil dan melanggar peraturan, maka Kerajaan Islam akan mengambil tindakan undang-undang dengan tegas. Inilah yang dikatakan Sistem Politik Islam dapat membangunkan masyarakat yang sejahtera dan mencintai peradaban yang murni dan suci, membenci budaya songsang yang menjadi punca segala fasad di muka bumi ini.

## **PENUTUP**

Masanya sudah tiba bagi pemimpin negara untuk menyedari kelemahan sistem politik sekular Barat yang telah banyak merosakkan akhlak dan nilai masyarakat. Pemimpin mempunyai pilihan terbaik untuk menyelamatkan masyarakat dari keruntuhan yang dahsyat ini iaitu menegakkan Sistem Politik Islam sekiranya mereka benar-benar ikhlas mahukan suatu yang terbaik untuk masyarakat dan negara yang tercinta ini.

Semoga Allah memberkati kita semua. Wassalam adanya.